

04/12/1999

Tajol utamakan pentadbiran mesra rakyat

KUALA KANGSAR, Jumaat - Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali yang mengangkat sumpah sebagai Menteri Besar Perak kesembilan, hari ini akan mengutamakan pentadbiran mesra rakyat untuk merapatkan rakyat dengan kerajaan.

Ketika ditemui selepas mengangkat sumpah jawatan itu serta menerima watakah pelantikan daripada Sultan Perak, Sultan Azlan Shah di Istana Iskandariah di sini, beliau berkata keutamaannya ialah merapatkan hubungan kerajaan, wakil rakyat dan rakyat.

Berikutan itu, katanya, pelantikan sembilan ahli Exco kerajaan negeri yang dijangka mengangkat sumpah, Rabu ini akan mengambil kira keutamaan itu, menerusi gandingan muka lama dan baru bagi memantapkan pentadbirannya.

Menurutnya, beliau akan menemui Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Kuala Lumpur, Isnin ini bagi mengemukakan senarai penuh ahli Exco terbabit untuk persetujuan Perdana Menteri.

"Perdana Menteri meminta saya berbincang dengan timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan kami sudahpun berbincang. Saya akan menemui Dr Mahathir, Isnin ini dan apabila senarai nama sudah diluluskan oleh Perdana Menteri, saya akan menghadap Sultan Perak untuk mendapatkan perkenannya.

"Kemungkinan besar ahli exco akan mengangkat sumpah, Rabu ini," katanya yang mencipta sejarah di Perak sebagai anak Menteri Besar yang dilantik ke jawatan itu.

Tajol Rosli, 55, bekas Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang bertanding di kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Kenering pada pilihan raya umum lalu menggantikan Tan Sri Ramli Ngah Talib yang dijangka menyertai Kabinet selepas memenangi kerusi Parlimen Pasir Salak.

Pelantikan Tajol Rosli sebagai Menteri Besar agak menarik kerana bapanya, Allahyarham Tan Sri Ghazali Jawi pernah dua kali menjadi Menteri Besar (1957-1960 dan 1974-1977).

Sebelum ini, hanya Perdana Menteri kedua, Tun Abdul Razak Hussein dan anaknya, Datuk Seri Najib menjadi pasangan anak beranak yang pernah menjadi Menteri Besar Pahang dalam era berbeza.

Mengenai barisan ahli Exco kerajaan negeri, Tajol Rosli berkata, gandingan muka lama dan baru kali ini mampu memantapkan lagi pentadbiran negeri, terutama menyuntik semangat baru.

Bagaimanapun, katanya, kuota Exco dikekalkan dan tiada penambahan, iaitu lima dari Umno, dua MCA dan masing-masing seorang dari Gerakan dan MIC.

Menurutnya, beliau akan memastikan pelantikan Exco adalah kesinambungan daripada pembangunan dan pentadbiran pucuk pimpinan negeri terdahulu dengan suntikan sedikit sebanyak idea baru.

"Saya akan meneruskan khidmat baik yang dibuat oleh Ramli dan mungkin selepas berbincang dengan ahli korporat serta mendapatkan pandangan Perdana Menteri dan timbalannya serta Sultan Perak sendiri, mungkin kita akan masukkan sedikit demi sedikit idea baru dalam pentadbiran," katanya.

Beliau mengarahkan setiap wakil rakyat BN mengemukakan laporan bulanan mengenai khidmat mereka kepadanya untuk memastikan BN merampas balik kerusi yang terlepas kepada pembangkang serta mempertahankan kerusi yang dimenangi.

Ditanya usaha BN Perak mendapatkan semula kepercayaan rakyat kepada parti pemerintah, katanya, semua wakil rakyat BN diarah mendekati rakyat di luar bandar sebagaimana saranan Dr Mahathir selama ini.

"Bagi kawasan yang kali ini dimenangi oleh pembangkang, saya sendiri

akan memberi perhatian kepada kawasan itu, tetapi di kawasan dimenangi BN, wakil rakyat diminta menjaga kawasan masing-masing.

"Mereka perlu merapatkan diri dengan rakyat dan kalau boleh kita mesti menjadi sebahagian daripada rakyat. Kadang-kadang jika kita pegang jawatan dan pindah duduk di tempat lain, rakyat rasakan kita jauh dari mereka," katanya.

Beliau juga berpendapat projek pembangunan bukan faktor BN kehilangan sedikit sokongan pengundi luar bandar kali ini, sebaliknya berpunca daripada perkara lain yang akan dikenal pasti menerusi bedah siasat sebelum diperbetulkan.

Mengenai Belanjawan Negeri 2000, katanya, beliau akan mendapatkan penjelasan pihak terbabit sama ada ia perlu dibentangkan semula dan jika perlu Dewan Undangan Negeri akan bersidang pada Ramadan.

(END)